

46 Staf Bukan Akademik Terima Surat Kenaikan Pangkat



Kuantan, 9 September- Seramai 46 staf pentadbiran Kumpulan Pengurusan dan Profesional Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan tiga staf akademik menerima surat kenaikan pangkat masing-masing dalam Majlis Penghargaan dan Apresiasi Kenaikan Pangkat anjuran Jabatan Pendaftar di Dewan Bankuet Canselery di Gambang baru-baru ini.

Mereka terdiri daripada Pegawai Tadbir Gred N48 (3) termasuk dua jawatan gred pemangkuan, Pegawai Tadbir Gred N44 (13), Pegawai Penerbitan Gred N44 (2), seorang Juruukur Bahan Gred J44 dan staf berjawatan Jurutera Gred J44 (2). Turut menerima surat kenaikan pangkat termasuklah Pegawai Latihan Vokasional Gred J44 (16), Pegawai Belia dan Sukan Gred S44 (2), Pustakawan Gred S44 (3) dan Pegawai Kewangan Gred W44 (4).



Majlis turut meraikan staf akademik yang juga dinaikkan pangkat iaitu Profesor Madya Dr. Cheng Chin Kui dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA), Profesor Madya Dr. Abdul Adam Abdullah dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Profesor Madya Dr. Abu Zaharin Ahmad dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE).

Hadir dalam majlis Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Hj. Safie dan Timbalan Pendaftar Jabatan Pendaftar, Haryani Abdullah.

Menurut Profesor Dato' Dr. Yuserrie, pihak universiti merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada semua staf yang menerima surat kenaikan pangkat ini.



"Universiti sedang melaksanakan urusan kenaikan pangkat secara fleksi kepada staf pentadbiran kumpulan pengurusan dan profesional melibatkan beberapa skim perjawatan yang dijalankan secara berperingkat. Kenaikan pangkat ini merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan ke atas prestasi dan perkhidmatan cemerlang dalam menggalas tanggungjawab yang diamanahkan," katanya.

Beliau mengharapkan usaha ini akan berterusan malah melipat-gandakan usaha ke arah pemantapan serta menunjukkan semangat dedikasi dan meningkatkan produktiviti dengan lebih cemerlang. Majlis yang kini masuk kali ketiga dianjurkan pada tahun ini bertujuan menghargai dan meraikan staf yang dinaikkan pangkat di universiti.

Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 22-09-2015, 08:17:28